

17 DEC 2002

IMF-RINGGIT/I

RINGGIT TIDAK SALAH LARAS, TIADA ANCAMAN KEPADA TAMBATAN, KATA IMF

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) percaya bahawa nilai ringgit tidak kelihatan salah laras dan tiada ancaman segera kepada tambatan ringgit yang kini dilaksanakan oleh Malaysia, kata Dr Luis Valdivieso, ketua bahagian Jabatan Asia dan Pasifik IMF.

Dr Luis berkata asas-asas Malaysia yang mengukuh adalah menyokong tambatan kadar tukaran wang sebagai satu sauh kemantapan dan bahawa nilai ringgit tidak kelihatan salah laras.

"Adalah amat jelas di dalam laporan terbaru kami mengenai Malaysia, bahawa kami tidak percaya bahawa ringgit tersalah laras," katanya pada sampingan Persidangan Tinjauan Masa Depan Ekonomi Negara MIER 2003 yang diadakan di sini hari ini.

"Saya juga telah menyebut bahawa kadar tukaran wang tetap memerlukan lebih banyak kelonggaran di semua pasaran dan bahawa itu telah juga dilakukan (oleh Malaysia)," tambah beliau.

Meninjau ke hadapan, pihak-pihak berkuasa Malaysia juga adalah komited bagi memastikan daya saing melalui pembaharuan struktur yang kian mendalam, dan juga kesediaan mereka terus memantau keadaan dengan teliti, tambahnya.

Bagaimanapun, katanya sementara beberapa pengarah IMF menyokong mengekalkan dasar sekarang, banyak yang lain berpendapat bahawa langkah bersiap sedia yang teliti ke arah regim tukaran wang yang fleksibel akan meluaskan pilihan Malaysia pada jangka sederhana.

Ini akan membolehkan negara menangani kejutan akan datang dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan aliran modal.

"Adalah lebih baik mempunyai lebih banyak pilihan, kami tidak berkata bahawa anda patut mengambil pilihan itu, tetapi anda patut mempunyainya," tambahnya.

Apabila ditanya sama assa beliau sedar sebab awal Malaysia memperkenalkan dasar sumpama itu adalah untuk mengelakkan spekulasi tidak perlu, Dr Luis berkata, "Saya telah melihat ulasan itu. Tetapi seperti kami telah nyatakan di dalam konteks perbincangan ini, adalah bahawa untuk bergerak kepada aturan yang lebih fleksibel dalam jangka sederhana akan meluaskan pilihan dasar bagi Malaysia.

Beliau menambah bahawa beliau ingin mendapat laporan yang adil dan jelas mengenai pandangan IMF atas isu itu kerana ide Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah amat dihormati.

Apabila ditanya mengenai selama mana patut Malaysia meneruskan regim kadar tukaran wangnya yang ditetapkan, Dr Luis berkata ia amat bergantung kepada aktiviti-aktiviti ekonomi setiap negara itu.

"Jika anda mahu menjadi lebih produktif daripada pesaing anda, berkemungkinan besar matawang anda akan perlu lebih bernilai," katanya.

Terdahulu di dalam pembentangan beliau mengenai Tinjauan Masa Depan Ekonomi Dunia dalam perspektif IMF, Dr Luis berkata di semua negara, dasar-dasar patut terus bermatlamat memupuk pertumbuhan ekonomi berpotensi tinggi, mapan dan berasas luas.

Katanya ini terutamanya adalah untuk mengurangkan pergantungan kepada AS sebagai enjin pertumbuhan sejagat dan meningkatkan dan pengurangan secara teratur dalam ketidakimbangan global.

"Kerajaan Malaysia mempunyai komitmen yang amat spesifik dalam menubuhkan satu asas yang amat baik bagi pembangunan masa depan," beliau menyimpulkan.

Mengenai perkara domestik, Dr Luis di dalam unjurannya berkata tenaga

buruh Malaysia telah berkembang dengan pesat memandangkan kadar kelahiran yang tinggi dan pertumbuhan mantap dalam kadar penyertaan buruh.

Ini mencerminkan perkembangan ekonomi formal dan peningkatan dalam penyertaan wanita dalam tenaga buruh.

Di samping itu, katanya Malaysia telah membuat kemajuan penting dalam bidang pendidikan.

"Untuk mempertingkatkan lagi pengumpulan modal manusia, Rancangan Malaysia Kelapan meramalkan peningkatan ketara dalam pecahan pekerja-pekerja yang telah memperolehi pendidikan tinggi (universiti) daripada 13 peratus daripada tenaga buruh pada tahun 2000 kepada kira-kira 33 peratus daripada tenaga buruh pada 2007," katanya.

Ini, katanya akan terus menjadi cabaran besar akan datang bagi Malaysia. -- BERNAMA

WNZ KTC OS